

KAJIAN TERHADAP SENI PIKSEL KALIGRAFI ARAB-MELAYU MENGGUNAKAN KAYU KITAR SEMULA

Mohd Ali Azraie Bin Bebit

Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Melaka

Suzlee Bin Ibrahim

Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (Aswara)

Iqbal Bin Jaapar

Fakulti Komunikasi & Pengajian Media, UiTM Melaka

Amir Nor Azan Bin Samar

Fakulti Komunikasi & Pengajian Media, UiTM Melaka

Muhammad Firdaus Bin Amairudin

Fakulti Komunikasi & Pengajian Media, UiTM Melaka

Corresponding Author's Email: aliazraiebebit@gmail.com

Article history:

Received : (15 Oktober 2023)

Accepted : (1 November 2023)

Published : (30 Disember 2023)

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menerokai potensi penggunaan kayu kitar semula untuk mencipta piksel bagi menghasilkan seni berbentuk tiga dimensi sebagai karya kaligrafi. Tulisan Jawi dalam erti lain merujuk kepada sistem tulisan yang digunakan untuk menulis Bahasa Melayu menggunakan huruf-huruf dari Arab. Kaligrafi Arab-Melayu adalah bentuk seni tulisan yang menggabungkan unsur-unsur seni kaligrafi Arab dengan elemen-elemen Seni Melayu. Tulisan Arab telah wujud sejak pemerintahan kesultanan Melaka semasa penyebaran Islam oleh pedagang-pedagang Arab. Tulisan Jawi Melayu tidak sama dengan tulisan Arab kerana tulisan Jawi hanya digunakan khusus untuk menulis perkataan dalam Bahasa Melayu. Pada era kini, kaedah mencipta seni kaligrafi atau Seni Khat telah mengalami beberapa perubahan bukan hanya dalam kaedah ukiran, tetapi dalam digital teknologi. Mempelbagaikan kaedah dan teknik dalam penghasilan seni kaligrafi Jawi memberi impak estetik dalam dunia seni kontemporari. Idea dalam kajian ini adalah untuk menerokai potensi elemen kolaj membentuk seni piksel menggunakan bahan kayu terbuang untuk membentuk tulisan Jawi. Dengan kaedah ini akan memberi gaya baru terhadap seni ukiran kayu khususnya ukiran seni kaligrafi. Seni kolaj daripada kayu terbuang membentuk piksel boleh menjadi trend baru dalam pengayaan dalam era teknologi kini. Seni piksel kaligrafi Arab -Melayu dapat menarik minat kepada generasi baru menjiwai Seni Islam. ini akan memberi kesan positif terhadap Pendidikan seni dalam tulisan Jawi dan seni arca kayu. Seterusnya memperluaskan elemen Kaligrafi Melayu ke seni Kontemporari.

Kata Kunci: *Seni Piksel, Jawi, Kaligrafi, Kitar semula, Seni Kontemporari*

PENGENALAN

Tulisan Jawi dengan makna lain merujuk kepada kaligrafi Melayu yang dipengaruhi oleh Arab. Tulisan Jawi adalah sistem penulisan yang digunakan untuk menulis Bahasa Melayu dengan menggunakan aksara Arab. Aksara Arab terdiri daripada huruf-huruf konsonan dan vokal dan biasanya ditulis dari kanan ke


kiri. Tulisan Jawi Melayu ini wujud sejak sebelum Kesultanan Melaka ketika penyebaran Islam dari pedagang Arab. Tulisan Jawi merupakan salah satu warisan yang berharga di dunia Melayu dan kewujudan di rantau ini menjadi sangat penting dan transaksi dari zaman kegelapan ke dunia Islam untuk orang Melayu terutamanya dalam budaya. Masyarakat Melayu belajar Jawi membentuk Al-Quran. Seni kaligrafi Jawi merupakan komponen yang dapat melengkapi keindahan tulisan Al- Quran dengan memiliki etika dan estetika (Abdullah Yusof ,2004). Selain itu, ia boleh dipersembahkan dalam bentuk seni tulisan Khat yang menjadi symbol keunggulan kesenian dalam tamadun Islam Nusantara. Sejarah Melayu bermula dari tulisan Jawi serentak dengan agama Islam. Makam Diraja yang terletak di Pasai, Aceh, Daya dan Gerisik (Jaya) yang dicipta dari marmar membuktikan kewujudan Melayu dalam pendekatan Islam. Batu nisan menunjukkan beberapa ukiran dengan tulisan Jawi yang menyatakan nama dan tahun.

Batu Bersurat Terengganu adalah sejenis artifak sejarah yang penting dalam sejarah tulisan di Tanah Melayu dalam penyebaran Agama Islam. Batu Bersurat Terengganu adalah sejenis prasasti batu yang mengandungi inskripsi dalam tulisan Jawi yang telah ditemui di Terengganu yang ditemui pada tahun 1909 di Kuala Berang. Prasasti ini mengandungi tarikh yang tertulis pada tahun 1303 Masihi yang menjadikannya salah satu artifak tertua yang menggunakan tulisan Jawi di Tanah Melayu. Inskripsi ini tertulis dalam aksara Jawi yang menggunakan Bahasa Melayu Kuno pada ketika itu. Ini merupakan bukti awal penggunaan tulisan Jawi di rantau ini dengan penyebaran agama Islam.

Seni piksel dikenali seni pixel atau *pixel art* di dalam Bahasa Inggeris adalah merupakan bentuk seni digital yang menggunakan piksel-piksel kecil sebagai elemen dasar untuk membuat gambar atau ilustrasi. Sejak zaman kegemilangan permainan video dan revolusi pengkomputeran pada era 80 an, seni piksel menjadi suatu budaya ketika itu. (Dewey,2004). Seni piksel adalah sejenis seni digital di mana grid persegi piksel sangat ketara dan ia boleh dibandingkan dengan mozek digital. Seni piksel mengambil inspirasi dari estetik grafik dari komputer klasik dan permainan video di mana gambar-gambar dihasilkan dengan memanipulasi piksel-piksel dengan warna-warna tertentu. Menurut Richard F. Lyon (1965) pada artikelnya bertajuk, *A Brief History of Pixel*, istilah piksel sering digunakan dalam pengolahan video dan pengkomputeran grafik. Konsep dari seni piksel sudah digunakan sejak dahulu lagi. Dalam seni tradisional, manik- manik disusun mengikut warna dan saiznya membentuk seni corak yang cantik. Konsep ini kemudian dikembangkan dalam dunia digital dan pengkomputeran.



Gambar 1. Batu bersurat dari pandangan depan dan belakang.



Gambar 2. Batu bersurat dari pandangan sisi kanan dan sisi kiri.

Kajian Literatur

Seni kaligrafi berasal dari suku kata bahasa Yunani iaitu ‘Kallos’ bermaksud indah dan ‘Graphein’ bermaksud menulis. (D.A Girling,1978). Pengertian daripada gabungan itu adalah ‘seni menulis dengan indah, tulisan tangan yang menghasilkan huruf atau tulisan yang indah sebagai suatu seni khat. (Kamus Dewan edisi baru, 1985). Seni kaligrafi adalah seni kemahiran menulis tulisan Arab atau tulisan Jawi dengan gaya khas atau unik sehingga menghasilkan tulisan yang indah. Pengertian lain seni kaligrafi ini ialah seni menulis indah dengan pena (kamus Besar Bahasa Indonesia,1988). Seni kaligrafi merupakan tulisan yang ditulis dengan indah serta menggunakan huruf-huruf Arab sebagai tulisan asas, selain diikuti dengan corak hiasan dan motif-motif yang menarik sehingga memunculkan seni tulisan yang cantik dan indah untuk dinikmati sebagai karya seni.

Seni kaligrafi Arab dan Melayu sinonim dengan menggunakan tulisan Jawi. Istilah Jawi sering dikaitkan dengan panggilan Arab kepada suatu masyarakat di Nusantara. Orang Arab beranggapan semua suku bangsa di Nusantara berasal dari Jawah dan penghuninya dipanggil Jawi. Nama Jawi itu berasal daripada kata Bahasa Arab iaitu, ‘Jawah’, apabila dijadikan adjektif Jawah menjadi Jawi.(Amat Juhari Moain, 1996). Perkataan Jawah atau Jawi berkemungkinan berasal dari perkataan Javadwipa iaitu nama bagi daerah Asia Tenggara pada zaman purba. Menurut Za’ba, (2009), tulisan Melayu huruf Arab itu biasanya disebut orang pada ketika itu sebagai Jawi. Perkataan Jawi juga dikaitkan dengan istilah tanah Jawi, turunya Jawi, mempunyai kitab Jawi , terdapat ulama Jawi, terdapat orang Jawi dan sebagainya. Sebagai kesimpulannya adalah dijelaskan bahawa istilah Jawi ialah nama yang diberikan kepada seluruh bangsa di kepulauan Melayu. Manakala Bahasa yang digunakan ialah Bahasa Jawi dan tulisannya dinamakan sebagai tulisan Jawi.

Metedologi Kajian

Kaedah mencipta seni kaligrafi telah mengalami beberapa perubahan bukan sahaja dalam kaedah ukiran kayu tetapi juga dalam kolaj. Kaedah ini boleh memberi kesan dramatik dalam dunia seni kontemporari. Masyarakat seni boleh menjadi lebih berfikiran terbuka dan lebih kreatif untuk menafsirkan dengan cara yang betul pada kesenian Islam tanpa kehilangan estetika seni tersebut. Beberapa kaedah teori kajian yang dirujuk antaranya dalam kesenian Melayu dalam menghasilkan karya ini. Pabila bercakap tentang kesenian Melayu, Nakula atau nama sebenarnya Abdullah Muhamed, membincangkan persoalan konsep bentuk seni melalui falsafah simbolik yang menekan kepada nilai keagamaan. Menurut beliau segala kejadian di bumi ini adalah dari Zat Allah. Menurutnya lagi Zat Allah mempunyai dua kelompok yang penting iaitu sifat- sifat *Jamal* bererti sifat keindahan serta *Jalal* bererti sifat-sifat kehebatan. Dalam tulisan Jawi perlu mempunyai kata-kata yang indah dan boleh difahami.

Penyelidik ingin meneroka potensi kolaj menggunakan bahan kayu-kayu terpakai dan terbuang yang digunakan dalam menghasilkan seni kaligrafi Arab- Melayu. Dengan kaedah ini, ia akan memberikan definisi baru terhadap ukiran kayu dan seni kaligrafi selaras dengan seni kontemporari yang lain. Seni kolaj kayu yang mempunyai elemen dan kaedah piksel boleh menjadi trend baharu seterusnya dalam tema seni ukiran seni kaligrafi.

Penyelidik memberi tumpuan kepada metodologi penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Dalam kajian ini, membuat karya seni adalah salah satu produk yang diteliti dan dianalisis. Itu adalah salah satu sumber dalam menjawab polemik dalam permasalahan seni. Dalam membuat karya seni, mesti mencerminkan tentang intelektual dalam kajian seni:

Data ---- Perbandingan ----- Analisis----- Eksperimen ---- Hasil

Terdapat dua jenis data iaitu data primer dan sekunder. Untuk data utama, saya menghadiri beberapa pameran di sekitar galeri-galeri di sekitar Malaysia untuk mendapatkan input seni di Galeri Seni dan Muzium Islam Malaysia. Pengumpulan data seperti buku rujukan berkenaan tentang teori dan falsafah dalam seni kaligrafi, katalog, surat khabar (artikel), tulisan akan menjadi data sekunder saya yang memberi tumpuan kepada seni kaligrafi Jawi sebagai tema utama bagi karya seni 3 dimensi atau 2 dimensi.

Selepas Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971, banyak perubahan telah dibuat pada seni tempatan di Malaysia. Para artis mula melakukan beberapa perubahan dan pengubahsuaian pada karya seni mereka dari barat ke pendekatan Timur dan nasionalisme yang mengakibatkan pengaruh serta identiti Melayu walaupun masih ada gaya barat. Tetapi ini adalah satu-satunya cara untuk menunjukkan karya seni dalam ukiran kayu Melayu pengaruh Melayu dan mempunyai gaya, nilai dan kontemporari tersendiri. Dalam penyelidikan dan kajian ini, salah satu faktor dalam era pluralis, artis tempatan kita menjadi sebagai orang yang bertanggungjawab dalam membuat transaksi kepada seni visual kita dalam mewujudkan identiti kita sendiri khususnya seni Melayu di negara kita.

Analisis Data

Analisis adalah tafsiran seseorang dalam pemahaman dari reka bentuk konsep, yang bermaksud bahagian teknikal. Dalam kajian saya, saya cuba menganalisis beberapa karya artis sebagai rujukan saya terutamanya pada karya seninya. Menganalisis karya seni termasuk gaya, ism, teknikal dan pengisiannya. Saya cuba memahami karya seni dari pelbagai artis tempatan dan luar yang bergiat dalam seni Kaligrafi serta ukiran kayu seperti Prof. Zakaria Awang (Malaysia), pengukir kayu Wan Mustafa Bin Wan Su, Abdul Ghani Othman (Malaysia) Levi Van Veluw (Belanda), Amin Gulgee (Pakistan), dan David Smith (Amerika).

i. Eksperimentasi

Proses analisis adalah sebahagian daripada permasalahan saya. Pada akhir penyelidikan, karya seni yang saya rujuk harus mempunyai beberapa pendekatan dalam karya seni saya. Proses seterusnya adalah membuat keputusan dalam proses percubaan. Proses ini melibatkan beberapa aspek dalam mencipta karya seni secara teknikal, kandungan dan kontemporari. Proses eksperimen yang berdasarkan karya seni artis dan pengukir tempatan). Apa yang membezakan antara karya seni saya sendiri dan beberapa karya seni rujukan lain ialah penggunaan bahan, nilai estetik dan formalistik. Tetapi proses percubaan ini membantu saya dalam memahami secara teknikal mengenai bahan dan saiz.


ii. Hasilan


Dalam hasilan dalam karya seni dapat merangkumi aspek dan elemen estetik. Keindahan dan kebebasan suatu karya akan menarik minat kepada pengamat seni. Aspek teknikal dalam penyampaian idea perlu diutamakan dalam hasilan karya. Gaya serta stail yang sesuai dalam hasilan karya mampu menyampaikan maksud dalam karya ini. Dalam karya seni ini perlu mempunyai impak positif kepada yang melihatnya.

iii. Proses Pembinaan Karya Seni Pikel

1. Lakaran Awal

Proses awal idea karya dilakukan di platform digital *software 3D*. ia untuk mengenalpasti bentuk dan kedudukan subjek tulisan Jawi tersebut.





2. Memotong Cebisan Kayu Terpakai

Semasa membuat karya seni, terdapat beberapa alat yang digunakan penyelidik dalam melakukan eksperimen dan membantu contohnya mesin gergaji untuk memotong kayu untuk menjadikan bentuk kepingan kiub seperti piksel.



Gambar 4. Memotong kayu terpakai membentuk piksel.

3. Mengukir

Setelah cebisan kayu terpakai dan terbuang dipotong membentuk piksel, satu lagi papan kayu diukir mengikut tulisan kaligrafi di atas permukaannya. Ukiran Tulisan kaligrafi itu menggunakan mesin pengukir.



Gambar 5. Mengukir tulisan Kaligrafi menggunakan mesin ukir.

4. Menampal Cebisan Kayu Pikel

Cebisan-cebisan kayu berbentuk piksel ditampal dipermukaan kayu papan yang siap diukir. Selama 2 jam diperlukan untuk cebisan kayu tersebut itu kering.



Gambar 6. Gam kayu digunakan untuk menampal cebisan kayu.

5. Hasil Karya

Hasil karya Tulisan Seni Pikel kaligrafi Arab-Melayu dengan menggunakan kayu-kayu terpakai.



Gambar 7. Hasil kaligrafi Jawi yang bertulis, 'Rumahku, Syurgaku'.

Dapatan

Penyelidik ingin menerokai potensi kolaj kayu menggunakan bahan kayu terpakai yang digunakan dalam kesenian kaligrafi. Dengan kaedah ini, ia akan memberikan definisi baru terhadap ukiran kayu dan seni kaligrafi Islam selaras dengan seni kontemporari yang lain. Seni kolaj kayu mempunyai ciri piksel yang boleh menjadi trend baharu seterusnya dalam seni visual.

Pada masa ini, kaedah mencipta seni kaligrafi atau 'seni khat' telah mengalami beberapa perubahan bukan sahaja dalam kaedah ukiran kayu tetapi juga dalam kolaj. Kaedah ini boleh memberi kesan dramatik dalam dunia seni kontemporari. Pengamat seni, boleh menjadi lebih berfikiran terbuka dan lebih kreatif untuk menafsirkan dengan cara yang betul pada kerja Islam tanpa kehilangan estetika seni Islam.

Pada asasnya, seni tulisan kaligrafi dalam bentuk Jawi adalah bentuk seni tradisional. Persoalannya di sini ialah, Adakah seni piksel kaligrafi relevan dan boleh diterima dalam penghasilan seni visual tempatan? Dan sejauh mana perubahan perlu dibuat dalam konteks pembangunan seni visual di Malaysia? Di samping itu, perkara-perkara lain juga dipersoalkan dalam kajian ini, termasuk Apakah bentuk perubahan yang perlu dibuat untuk menjadikan tulisan kaligrafi relevan dalam seni kontemporari tempatan. Kayu digunakan sebagai medium utama dalam penciptaan karya seni yang juga merupakan persoalan bagaimana unsur kayu sebagai kaedah kajian, yang terkenal dengan media tradisional yang mampu berdiri sebagai medium dominan untuk menegakkan unsur seni ukiran. Unsur-unsur Melayu juga berkaitan dengan kajian saya dengan mempersoalkan sejauh mana gaya dan identiti Melayu ini dapat dihalang ketika membuat karya seni. Semua soalan di atas merujuk kepada soalan-soalan yang berlaku semasa proses kajian, menganalisis dan bereksperimen.

Kaedah mencipta seni tulisan kaligrafi telah mengalami beberapa perubahan bukan sahaja dalam kaedah ukiran kayu tetapi juga dalam kolaj menggunakan katu. Kaedah ini boleh memberi kesan inovasi dalam dunia seni ukiran kayu. Pengamat seni, boleh menjadi lebih berfikiran terbuka dan lebih kreatif untuk menafsirkan dengan cara yang betul pada karya seni kaligrafi tanpa kehilangan estetika seninya. Penyelidik ingin meneroka potensi kolaj menggunakan bahan kayu yang digunakan dalam seni. Dengan kaedah ini, ia akan memberikan definisi baru terhadap ukiran kayu dan seni kaligrafi Melayu selaras dengan seni kontemporari yang lain. Seni kolaj mempunyai ciri piksel yang boleh menjadi trend baharu seterusnya dalam tema seni Islam. Seni piksel kaligrafi Jawi mempunyai potensi besar untuk dikomersialkan kerana tidak ada seni kaligrafi yang menggunakan konsep piksel dan menggunakan kayu kitar semula di pasaran yang berdasarkan budaya Melayu. Selain memberi tumpuan hanya untuk pasaran tempatan, penyelidik juga optimis untuk pergi ke pasaran antarabangsa untuk hiasan.



Gambar 8. Hasil karya seni piksel kaligrafi menggunakan kayu kitar semula.



Gambar 9. Beberapa karya hasil dari seni piksel dipamerkan di tempat awam.

Kesimpulan

Kesimpulannya, seni kaligrafi tulisan jawi adalah satu jenis seni tulisan yang telah mewarnai pelbagai pengajaran dan pembelajaran dalam Pendidikan. Seni kaligrafi jawi merupakan satu bentuk yang penting dalam Islam dan perlu diperkembangkannya. Di samping itu, perlu adanya usaha mempertingkatkan kemahiran seni kaligrafi berdasarkan kreativiti dan inovasi. Dalam pengkajian ini, penyelidik telah membangunkan persefahaman bahawa setiap karya seni harus mempunyai hubungan keseimbangan mengenai medium dan kandungannya. Ini disebabkan oleh fakta bahawa karya seni perlu jelas dan bermakna dengan cara tertentu. Pemilihan bahan yang betul, digabungkan dengan teknik dan gaya berasaskan identiti akan memberikan petunjuk mengenai keaslian karya seni. Selain itu, percaya bahawa penggiat seni mempunyai tanggungjawab dalam mengembangkan dan memelihara warisan serta tradisi masyarakat mereka. Penggiat seni kontemporari perlu bijak dalam menambah elemen seni baharu pada karya mereka untuk menonjolkan budaya baharu dan cara hidup moden.

Dengan menerapkan konsep menyuntik unsur-unsur baru dan segar ke dalam proses pembuatan seni konvensional, diharapkan adegan seni visual di Malaysia akan mula berkembang, terutamanya dalam bidang seni kaligrafi Melayu. Pada masa yang sama, penyelidik juga berharap bahawa penghasilan karya seni saya dapat membantu dalam memelihara tulisan jawi hingga berzaman, dengan bertindak sebagai rujukan yang berguna untuk generasi muda masa depan.

Conflicts Of Interest

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan tidak dalam pertimbangan oleh jurnal lain. Pengarang telah meluluskan semakan, bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Anne D'Alleva, (2005). *Methods and Theories of Art History*, London: Laurence King Publishing.
- Amin Gulgee, (2002): Retrieved December 11. 2008 from: www.amingulgee.com
- Baharudin Mohd Arus, (1996). Catalogue "*Pameran Seni Arca Kontemporari Malaysia*, Kuala Lumpur National Art Gallery.
- Cal, S. (1991). *Language and Typography*. Hoboken, New Jersey: John Wiley & Sons Inc
- D'zul Haimi Md Zain. 2003. *Seni Islam*. Kuala Lumpur: Univision Press Sdn. Bhd
- Dolores D. Wharton (1971). *Contemporary Artist of Malaysia*, Union Cultural Organization Sdn. Bhd.
- Ghazali Darussalam, (2001) *Sumbangan Sarjana dalam tamadun Islam..* Kuala Lumpur. Utusan Publication and Distributors.
- Jack Burnham, (1968). *Beyond Modern Sculpture*, United States of America: Allen Lane The Penguin Press.
- Khatijah Sanusi. (1999). *Semurni*. Shah Alam: Unit Percetakan ITM.
- Maria Tintun. S.N., (2013). *Seni Pixel*, FSR ISI , Yogyakarta.
- Nik Mohamed Affandi Nik Yusoff. 2001. *Islam And Wealth*. Selangor Darul Ehsan: Pelanduk Publications (M) Sdn.Bhd
- Pixel art.N.d(Accessed 1/8/2023).[https://en. Wikipedia.org/wiki/pixel_art](https://en.wikipedia.org/wiki/pixel_art)
- Robert, B. (2002). *The Elements of Typographic Style*. Vancouver, Canada: Hartley & Marks Publishers
- Samuelson. Gustav,(2020) *Pixel Art- The Medium of Limitation*. UMEA University.